

# Pecah rumah dan curi, pemuda dipenjara dan disebat

**SIBU:** Seorang pemuda yang menghadapi pertuduhan pecah rumah dan bertindak mencuri tiga tong gas memasak telah dijatuhi hukuman penjara setahun berserta satu sebatan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Tertuduh, Muhammad Alfian Asmawi, 28, diperintah oleh mahkamah menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa tarikh pensabitannya semalam.

Alfian terdahulu dituduh memecah masuk sebuah kafe di Jalan Maju pada 21 Feb 2025, jam 5.11 pagi dengan niat untuk mencuri tiga tong

gas memasak.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 457 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun serta tidak lebih 14 tahun dan dengan sebatan dan juga boleh dikenakan denda, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 22 Feb 2025, kira-kira jam 4 petang, pengadu dimaklumkan oleh seorang pekerja hotel berhampiran yang terlihat seorang lelaki membawa keluar tong gas dari kafe tempat pengadu bekerja.

Pengadu kemudian membuat pemeriksaan dan mendapati tiga tong gas hilang, dipercayai telah dicuri dengan kerugian dianggarkan sebanyak RM555.

Bertindak atas laporan, pihak polis menahan seorang lelaki iaitu tertuduh pada 9 Mac 2025, jam lebih kurang 8.30 malam bagi membantu siasatan.

Dengan dipandu arah oleh tertuduh, pihak polis telah menjumpai satu resit bagi penjualan tiga tong gas terbabit dari sebuah rumah di Lorong Berlian pada 10 Mac 2025, kira-kira jam 3.30 petang.